



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

No. Dasar: PNM/DS/27

Tarikh diluluskan: 11 November 2025

DASAR SIRKULASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN DASAR

Dasar ini disediakan bagi memastikan perkhidmatan sirkulasi dilaksanakan secara sistematik ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien seiring dengan fungsi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai pusat kebangsaan bagi peminjaman dan pertukaran sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat.

DASAR SIRKULASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	1
2. KENYATAAN DASAR	1
3. SKOP	1
4. DEFINISI	2
5. OBJEKTIF	6
6. STRATEGI	6
7. AKTIVITI	7
8. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG	8
9. PENGEMASKINIAN DASAR	9
10. TARIKH KUAT KUASA	9
11. SUMBER RUJUKAN	10
12. LAMPIRAN	11

1. PENGENALAN

Dasar Sirkulasi ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengikut *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian II, Seksyen 3 (a) - (c) dan Seksyen 4(2).*

2. KENYATAAN DASAR

Memastikan perkhidmatan sirkulasi dilaksanakan secara sistematik ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien seiring dengan fungsi PNM sebagai pusat kebangsaan bagi peminjaman dan pertukaran sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat.

3. SKOP

Dasar ini diguna pakai oleh PNM untuk aktiviti yang merangkumi proses pinjaman, pemulangan, pembaharuan, tempahan dan denda lampau tempoh.

4. DEFINISI

4.1 Sumber Perpustakaan

Apa-apa bentuk cetakan, grafik, audio, elektronik atau media lain atau di mana maklumat ditulis, direkod, disimpan, dipamer atau dikeluarkan dan dikategorikan kepada:

(a) Bahan Bercetak

Bahan monograf, terbitan bersiri, manuskrip Melayu, kertas persidangan/seminar/bengkel/konvensyen, buku teks dan bahan cetak bukan buku, termasuk peta, carta dan poster dan lain-lain.

(b) Bahan Tidak Bercetak

Bahan termasuk objek, filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio serta media elektronik lain.

(c) Bahan Malaysiana

Bahan perpustakaan yang diterbitkan dalam Malaysia atau di luar Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu bab atau 10% daripada keseluruhan teks merangkumi elemen berikut:

- i. mengenai Malaysia dan/atau bangsa Malaysia;
- ii. dalam/atau mengenai bahasa Malaysia/Kebangsaan; dan
- iii. dihasilkan oleh warganegara Malaysia.

(d) Bahan Bukan Malaysiana

Sumber perpustakaan yang diterbitkan di luar Malaysia yang tiada kaitan dengan Malaysia atau bukan dihasilkan oleh warganegara Malaysia tetapi memenuhi kehendak pembaca.

4.2 Pencarian Bahan Perpustakaan Dalam Talian

(a) Laman Sesawang

Dokumen yang mengandungi maklumat dan boleh diakses melalui Jaringan Sejagat menggunakan pelayar web. Kebiasaannya dibangunkan dalam format HTML atau XHTML serta mengandungi pautan ke laman lain. Pencarian bahan perpustakaan PNM boleh dilakukan melalui laman sesawang rasmi di www.pnm.gov.my.

(b) Jaringan Sejagat (World Wide Web)

Sistem jaringan dokumen hiperteks yang boleh diakses melalui internet dengan menggunakan pelayar web. Dokumen dalam Jaringan Sejagat dikenali sebagai laman web, yang mengandungi teks, imej, video, serta pautan ke laman lain.

Secara teknikal, semua sumber dan pengguna internet berinteraksi menggunakan protokol http.

(c) Tapak Web (Website)

Himpunan bagi laman sesawang, imej, video dan dokumen-dokumen digital yang dihoskan oleh pelayan web. Tapak web yang boleh diakses oleh orang awam melalui internet merupakan warga bagi Jaringan Sejagat.

(d) *Online Public Access Catalogue (OPAC)*

Sistem katalog atas talian yang membolehkan pengguna perpustakaan mengakses data bibliografik bahan perpustakaan secara dalam talian melalui carian opac.pnm.gov.my. Data bibliografik bahan perpustakaan ini memaparkan maklumat nama penulis atau penerbit, judul bahan, tahun terbitan, nombor panggilan, *International Standard Book Number (ISBN)*, *International Standard Serial Number (ISSN)* dan lain-lain bagi memudahkan rujukan dan peminjaman.

4.3 Peminjaman

Proses meminjam bahan perpustakaan untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

4.4 Pemulangan

Proses pemulangan bahan perpustakaan sebelum pinjaman lampau tempoh.

4.5 Pembaharuan

Proses memperbaharui tarikh pemulangan bahan perpustakaan sebelum lampau tempoh.

4.6 Tempahan

Proses tempahan bahan perpustakaan untuk peminjaman.

4.7 Lampau Tempoh

Tempoh peminjaman yang telah melepasi tarikh pemulangan bahan perpustakaan.

5. OBJEKTIF

Objektif utama dasar ini adalah:

- 5.1 Memantapkan pengurusan sistem sirkulasi perpustakaan yang komprehensif;

- 5.2 Memperkasa penyampaian perkhidmatan sirkulasi yang efektif dan efisien;
- 5.3 Memastikan ketersediaan bahan perpustakaan untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang; dan
- 5.4 Mempromosi aktiviti galak guna bahan perpustakaan bagi menyemarakkan budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat.

6. STRATEGI

- 6.1 Menyediakan perkhidmatan sirkulasi bahan perpustakaan yang sesuai dengan keperluan maklumat dan pembacaan pengguna;
- 6.2 Menyediakan perkhidmatan sirkulasi kepada ahli yang berdaftar;
- 6.3 Menyediakan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan sirkulasi yang memberikan manfaat secara menyeluruh;
- 6.4 Menyediakan perkhidmatan sirkulasi bahan perpustakaan yang terkini seiring dengan perkembangan semasa berdasarkan Dasar Pembangunan Koleksi dan Dasar Malaysiana yang sedang berkuat kuasa; dan

- 6.5 Melaksanakan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) (Pindaan) 2015 [P.U. (A) 222] yang sedang berkuat kuasa bagi memelihara ketersediaan bahan perpustakaan untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang.

7. AKTIVITI/PERKHIDMATAN

7.1 Perkhidmatan Pinjaman Dewasa

Perkhidmatan Pinjaman Dewasa PNM disediakan kepada pengguna berdaftar dalam kategori dewasa. Kod 'D' merujuk bahan perpustakaan untuk Pinjaman Dewasa.

7.2 Pinjaman Kanak-Kanak

Perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna berdaftar dalam kategori kanak-kanak. Kod 'K' merujuk kepada sumber perpustakaan untuk Pinjaman Kanak-Kanak.

7.3 Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan peminjaman sumber perpustakaan yang disediakan kepada agensi kerajaan, swasta atau pertubuhan yang telah berdaftar sebagai ahli Pinjaman Berkelompok, PNM. Kod 'K' dan 'D' merujuk bahan perpustakaan untuk Pinjaman Berkelompok.

7.4 Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Perkhidmatan SPP membolehkan bahan rujukan Malaysiana PNM dipinjam oleh perpustakaan atau institusi ahli SPP, dengan syarat PNM memiliki lebih daripada satu (1) naskhah bahan tersebut dalam koleksi Malaysiana. Jika hanya terdapat satu (1) naskhah, salinan boleh dibekalkan mengikut peruntukan Akta Hak Cipta 1987 dengan mengenakan kadar bayaran yang telah ditetapkan. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh Unit SPP, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM.

7.5 Perkhidmatan Perpustakaan Digital u-Pustaka

Perkhidmatan perpustakaan dalam talian melalui portal u-Pustaka (www.u-pustaka.gov.my) membolehkan rakyat Malaysia mengakses koleksi dan sumber maklumat tanpa had masa dan lokasi. Melalui portal ini, pengguna berdaftar boleh membuat rujukan serta meminjam bahan perpustakaan secara percuma secara dalam talian.

8. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

Semua bahan perpustakaan yang dikategorikan sebagai bahan yang boleh dipinjam adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang terkandung dalam Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Peraturan-peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1993 [P.U. (A) 294] dan Peraturan-peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) (Pindaan) 2015 [P.U. (A) 222].

9. PENGEMASKINIAN DASAR

Kajian semula dasar ini akan dilakukan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau berdasarkan keperluan semasa.

10. TARIKH KUAT KUASA

Dasar ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Dasar ini diluluskan oleh :



(EDY IRWAN BIN ZULKAFLI)

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh

: 11/11/2025

12. SUMBER RUJUKAN

- Perpustakaan Negara Malaysia. (2006). *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (1986). *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) (Pindaan Jadual 1)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (1977). *Peraturan-peraturan Perpustakaan Negara 1977 P.U.(A) 365*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (1993). *Peraturan-peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1993 P.U. (A) 294*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2015). *Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) (Pindaan) 2015 P.U. (A) 222*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2022). *Dasar negara bagi perpustakaan dan perkhidmatan maklumat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2014). *Dasar pendokumentasian bahan perpustakaan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2023). *Dasar Malaysiana*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2000). *Dasar sistem pembekalan penerbitan (SPP)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (n.d.). *Garis panduan perpustakaan khusus (Edisi ke-3)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

LAMPIRAN

1. Kod Bahan Perpustakaan untuk Sirkulasi

Kod Bahan	Kategori Bahan Perpustakaan
K dan D	Kelompok
K	Kanak-kanak
M	Malaysiana

2. Jenis Koleksi dan Lokasi Bahan Perpustakaan

Jenis Bahan	Lokasi Bahan
Buku Fiksyen dan Bukan Fiksyen	• Perkhidmatan Pinjaman Dewasa, Aras 2, Anjung Bestari, PNM • Perpustakaan Kanak-Kanak, Aras G, Anjung Bestari, PNM • Unit Pinjaman Berkelompok, Bangunan Wisma Sejarah • Koleksi Monograf Luar Negara, Aras 3, Anjung Bestari, PNM • Perkhidmatan Rujukan Malaysiana, Aras 7 dan Aras 8, Menara PNM • Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan, Menara PNM

DASAR SIRKULASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Jenis Bahan	Lokasi Bahan
	• Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD) • Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras (PKMC) • Perpustakaan Komuniti AEON AU2 Setiawangsa (PKAU) • Buku2u@Radia Bukit Jelutong
Koleksi Sumber Elektronik	• Aras 4, Anjung Bestari, PNM